

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8308

SOALAN:

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan status siasatan ke atas kes-kes
berikut:**

- (a) insiden Protes di depan Gereja di Taman Medan, Petaling Jaya; dan
- (b) insiden protes di depan Plaza Low Yat, Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian memandang serius tentang kes-kes jenayah yang berlaku terutamanya kejadian yang boleh menjejaskan keselamatan dan keharmonian negara. Siasatan akan dijalankan tanpa mengira sama ada ianya dilakukan oleh individu berpengaruh atau sebaliknya. Berhubung dengan isu perhimpunan bagi membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya pada 20 April 2015, pihak polis telah membuka kertas siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 di bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan atas kesalahan cuba melakukan pencerobohan bangunan. Dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut.

Kertas Siasatan telah lengkap dan telah diedarkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara dan memutuskan kes tersebut di NFA (*No Futher Action*).

Bagi menjawab soalan (b), PDRM telah membuka tiga (3) kertas siasatan terhadap kes pergaduhan yang berlaku di Plaza Low Yat, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 12 Julai 2015. Kertas-kertas siasatan yang dibuka seperti berikut:-

- 1) Berkait TH repot 23347/15 dan disiasat di bawah seksyen 380 Kanun Keseksaan, seorang individu telah ditangkap dan telah dituduh di mahkamah dan ditetapkan untuk perbicaraan pada 30 November sehingga 1 Disember 2015.**

- 2) Berkait TH repot 23377/15 dan disiasat di bawah seksyen 147/427 Kanun Keseksaan, seramai 5 orang individu telah ditangkap dan masih dalam siasatan.**

- 3) Berkait TH repot 23441/15 dan disiasat di bawah seksyen 147 Kanun Keseksaan, 4 orang individu telah ditangkap dan telah dituduh di mahkamah pada 10 Ogos 2015 di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan. Tiga orang tertuduh telah didenda RM1,800 setiap (Denda dibayar) dan seorang lagi tertuduh telah dibebaskan.**